

24/10/2002

Pahang makin popular di kalangan pelabur

Noorwati Salleh

SEKTOR perindustrian di Pahang, terutama di kawasan Perindustrian Gebeng, dekat Kuantan, berkembang pesat dan menarik minat pelabur dari dalam serta luar negara.

Ini berikutan pelbagai faktor menarik minat pelabur berbuat demikian, termasuk insentif serta prasarana yang disediakan kerajaan untuk kemudahan pelabur.

Pada keseluruhannya, Pahang mempunyai 15 kawasan perindustrian membabitkan 2,442 hektar yang dibahagikan kepada tiga zon iaitu Gebeng, Pelabuhan Kuantan, Semambu, Peramu, Bentong, Rompin, Temerloh, Jerantut, Raub, Kuala Lipis, Jengka dan Muadzam Shah.

Mengikut Pelan Pembangunan Indikatif Industri Pahang, sehingga hujung 1998, sebanyak 584 projek mendapat kelulusan, membabitkan pelaburan bernilai RM15.87 bilion dan penyediaan 39,800 peluang pekerjaan.

Ini menunjukkan negeri itu semakin popular di kalangan pelabur asing sebagai pusat penanaman modal dan industri berasaskan eksport.

Selain itu, lebih 30 kawasan perindustrian seluas 11,987 hektar akan dibangunkan sehingga 2005.

Kebanyakannya terletak di koridor pembangunan perindustrian, antaranya Koridor Pantai Timur (Kuantan dan Pekan); Koridor Timur-Barat (Bentong, Temerloh, Mentakab dan Kuantan); dan Koridor Tengah Utara-Selatan (Lipis, Raub, Muadzam Shah, Rompin dan Jerantut).

Bidang yang akan diberikan tumpuan ialah sektor automotif, elektrik, elektronik, petrokimia, industri berasaskan perabot dan galian.

Daripada 30 kawasan perindustrian itu, Gebeng, Peramu, Gambang dan Muadzam Shah mendapat tumpuan dengan masing-masing dikenal pasti sebagai tumpuan industri berasaskan petrokimia dan kimia; automotif; elektrik dan elektronik; dan seramik.

Kewujudan Kompleks Kimia Bersepadu BASF-Petronas Chemicals Sdn Bhd (BPC) yang bernilai RM3.4 bilion di Gebeng yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membawa pengertian besar kepada Pahang.

Ia bukan saja membuktikan Pahang terus menjadi tumpuan pelabur asing, terutama dalam bidang petrokimia, malah daya penarik kepada pelabur yang bercadang meluaskan operasi.

Pelabur berpotensi sudah tentu melihat pembukaan kompleks BPC itu satu petanda Malaysia, apatah lagi Pahang memiliki suasana pelaburan yang kondusif untuk menanam modal.

BPC ialah syarikat usaha sama antara Petrolim Nasional Bhd (Petronas) dan BASF Aktiengesellschaft dari Jerman yang mana Petronas memiliki 40 peratus ekuiti.

Pusat Kimia Bersepadu itu akan memiliki 13 loji yang mengeluarkan monomer akrilik, produk oxo dan butanediol.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang dijangka siap Ogos 2003 pula akan menjadi pemangkin kepada usaha memajukan industri petrokimia di sebelah Pantai Timur.

Ini kerana jaringan lebuhraya ini memudahkan perhubungan dengan koridor industri Pantai Timur dengan Pantai Barat.

Beliau berkata, Pelabuhan Kuantan yang menjadi nadi atau saluran utama pengedaran produk keluaran syarikat petrokimia di Gebeng, sudah diperbesarkan bagi menambah keupayaan pengendalian penghantaran.